



**PERUTUSAN
MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

SEMPENA HARI AHLI GEOLOGI SEDUNIA 2023

2 APRIL 2023

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Rakan ahli geologi, ahli geosains serta rakan-rakan dari pelbagai bidang yang saya hormati,

PENDAHULUAN

1. Hari ini merupakan hari istimewa bagi Ahli Geologi di pelusok dunia atau dikenali sebagai Hari Ahli Geologi Sedunia 2023 bagi meraikan dan mengiktiraf sumbangan ahli geologi di seluruh dunia. Terima kasih saya ucapkan kepada penganjur sambutan ini dan para ahli geologi di Malaysia terutamanya di JMG, IGM, GSM, BOG dan MyGeo.

2. Saya difahamkan Hari Ahli Geologi ialah suatu sambutan yang diraikan oleh ahli geologi, ahli geofizik, ahli geokimia serta ahli geosains di pelbagai negara. Secara tradisinya ia disambut pada setiap hari Ahad pertama bulan April. Sambutan ini telah dimulakan oleh sekumpulan ahli geologi Kesatuan Soviet pada 31 Mac 1966 untuk memperingati pencapaian ahli geologi Kesatuan Soviet selepas penemuan petroleum di Siberia Barat.
3. Sehingga kini, Hari Ahli Geologi Sedunia disambut oleh hampir semua organisasi geologi di pelbagai negara. Sambutan ini tidak dinaungi oleh mana-mana badan antarabangsa; ia merupakan sambutan yang disambut secara budaya.

TEMA SAMBUTAN

4. Pada tahun ini, sambutan di Malaysia diraikan dengan tema 'Ahli Geologi Memacu Perubahan' (*Geologist, Accelerating Change*). Tema ini amat tepat sekali dengan pencapaian penglibatan ahli geologi dalam arus pembangunan negara sekarang dalam memastikan kesejahteraan rakyat kekal terjamin.

BIDANG GEOLOGI DAN PERANAN AHLI GEOLOGI

5. Seperti yang kita semua maklum, ilmu geologi merupakan salah satu bidang cabang sains yang mengkaji tentang sifat bumi, antaranya sifat struktur, fizikal dan kimia bumi serta semua proses yang berkaitan pembentukan atau perubahan bumi.

6. Ahli geologi sentiasa mengkaji akan bumi dan isinya yang sentiasa berubah. Fenomena alam seperti gempa bumi, gunung berapi, tanah runtuh, tsunami dan banjir; ini semua sebahagian daripada proses bumi yang sentiasa menjadi perhatian ahli geologi. Ahli geologi meneroka dan memetakan lautan dan benua, menemui sumber baharu dan mendedahkan misteri bumi yang baharu.
7. Ahli geologi sentiasa berusaha untuk lebih memahami bumi dengan segala ilmu yang ada serta seterusnya di masa kini, ahli geologi merupakan antara penggerak utama dalam memacu pembangunan negara, manusia dan dunia.
8. Ahli geologi di Malaysia adalah antara ahli profesional yang terawal dalam membantu pembangunan negara. Ramai yang mungkin tidak sedar; jika tiada para ahli geologi dalam mencari dan meneroka sumber mineral iaitu sumber bijih timah pada sekitar tahun 1900 dahulu, mungkin negara kita tidak seperti apa yang kita lihat sekarang ini. Terima kasih kepada ahli geologi yang telah menyumbang ilmu dan tenaga di negara kita lebih daripada seratus tahun yang lalu.
9. Kini, industri perlombongan NR-REE sedang giat dibangunkan yang InsyaAllah menjanjikan pulangan baik kepada ekonomi Negara. Kementerian amat menggalakkan agar para ahli geologi di negara ini meneroka pula sumber tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) seperti geoterma kerana saya difahamkan beberapa kawasan berpotensi dibangunkan.

PERKONGSIAN PENGALAMAN – KEJADIAN TANAH RUNTUH DI BATANG KALI, 2022.

10. Saya sorot kembali pengalaman saya bersama ahli-ahli geologi daripada JMG. Hampir sejurus saya menerajui NRECC ini pada bulan Disember 2022, kita semua dikejutkan dengan kejadian bencana geologi tanah runtuh di Father's Organic Farm, Batang Kali, Selangor pada 16 Disember 2022 yang telah meragut 31 nyawa.
11. Di sebalik kejadian bencana yang berlaku tersebut, saya dapat lihat, merasakan sendiri dan menjadi saksi akan tugas-tugas yang telah dilakukan oleh rakan-rakan JMG saya. Saya amat kagum dengan peranan yang telah ditunjukkan oleh ahli-ahli geologi. Merekalah antara yang pertama ke tapak bencana, menganalisa tapak dan menganalisa pergerakan tanah runtuh tersebut serta merekalah juga yang mengkaji dan faham akan punca kejadian tersebut.
12. Dalam memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa diberi perhatian, Kementerian melalui JMG telah mengenalpasti sejumlah 221 cerun kritikal yang perlu diberi perhatian khususnya ketika Musim Monsun melanda. Insiden menyayat hati yang mengorbankan 31 nyawa di Batang Kali pada Disember 2022 lalu boleh dielakkan jika semua pihak mengambil serius pembangunan sesebuah kawasan dengan memastikan tapak yang hendak dibangunkan dalam keadaan stabil, selamat dan tidak berisiko bencana geologi seperti tanah runtuh. Kejadian aliran puing yang telah beberapa kali berulang juga perlu diberikan perhatian.

13. Justeru, para ahli geologi dimohon untuk sentiasa cakna memastikan penduduk yang terdedah kepada bencana geologi ini diberikan cukup pengetahuan agar insiden tidak diingini dapat dielakkan jika berlaku banjir atau aliran puing di masa akan datang.

AHLI GEOLOGI DAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

14. Dalam memastikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup, Kementerian melalui JMG juga terlibat secara langsung dalam merangka Pelan Strategik Air Tanah, 2021-2040 (*Groundwater Strategic Plan, 2021-2040*) dalam menyokong agenda “*Water Sector Transformation 2040 (WST 2040)*” dalam memastikan sumber bekalan air negara terus dalam keadaan mampan melalui kajian ke atas sumber air bawah tanah yang berterusan yang boleh digunakan secara konjungtif.
15. Kementerian juga sedang giat membangunkan Pelan Pembangunan dan Pelaksanaan Geopark Negara agar pembangunan geopark di Malaysia dilaksanakan secara terkawal dan lestari. Begitu juga dalam memastikan kejadian bencana geologi dapat dipantau dan dikawal.
16. Kementerian terlibat secara langsung dalam Arahan No. 20 (Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara) termasuk antaranya melaksanakan Program Pengurusan Bencana Berasaskan Komuniti (*Community Based Disaster Management; CBDRM*) bagi mengurangkan risiko ancaman bencana geologi sama ada kehilangan nyawa atau harta benda.

HARAPAN

17. Hari Ahli Geologi ialah masa untuk meraikan kepelbagaian dan keterangkuman komuniti kita. Sesuai dengan tema “Ahli Geologi Memacu Perubahan’; besar harapan saya agar seluruh warga ahli geologi dan ahli geosains di Malaysia sama-sama menggembeng tenaga dalam memacu kepada perubahan di negara kita. Saya amat berharap selain daripada sumbangan ahli geologi dalam pembangunan mineral dan geosains, ahli geologi akan terus mara ke hadapan setaraf dengan barisan para profesional yang lain, sama-sama memacukan lagi pembangunan negara.
18. Sumbangan Ahli Geologi bukan sahaja kepada aspek teknikal dan ilmiah semata-mata; malah juga memacu kepada ekonomi negara melalui usahasil sumber geologi khususnya sumber mineral, hidrokarbon (minyak dan gas) dan tenaga boleh diperbaharui (*renewable energy*) yang menjadi pemangkin kepada ekonomi negara, memacu perubahan dan peningkatan kepada kelestarian kehidupan dan persekitaran yang selamat serta ke arah negara yang madani, insyaAllah.
19. Saya berharap agar Ahli Geologi dapat terus memberikan sumbangan dan bekerjasama dengan semua entiti yang terlibat dalam pembangunan negara termasuk peningkatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan halatuju Kementerian dalam mendukung gagasan Malaysia Madani agar negara tercinta ini dibangunkan dengan tatakelola pentadbiran yang baik, seterusnya memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

PENUTUP

20. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua ahli geologi di Malaysia, di pelbagai sektor iaitu di pihak kerajaan mahupun swasta, yang telah menyumbang kepada pemahaman kita tentang bumi yang kita diami, menyumbang kepada pembangunan negara dan ahli-ahli geologi yang telah dan akan terus memacu perubahan.
21. Dedikasi dan kerja keras anda semua telah membuat perubahan di bumi ini. Marilah kita terus bekerjasama dan sama-sama saling memahami untuk meneroka, mengkaji dan melindungi bumi kita yang kita cintai dan berusaha untuk memuliharanya untuk generasi akan datang.
22. Kepada rakan-rakan ahli geologi, teruskan mengkaji bumi yang sentiasa dinamik ini demi kesejahteraan kita semua.

Terima kasih dan Selamat Hari Ahli Geologi Sedunia 2023!

NIK NAZMI BIN NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

2 APRIL 2023